

B501

MAHATHIR - PEMUDA

1977

KUALA LUMPUR, 30 JUN (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERCAKAP TENTANG PERPADUAN DI KALANGAN AHLI-AHLI UMNO LALU MENINGATKAN BAHAWA PERPECAHAN DI KALANGAN MEREKA BOLEH MENYEBABKAN ORANG-ORANG MELAYU KEMBALI KEPADA ZAMAN DAHULU.

KATANYA KESAN BURUK KERETAKAN PERPADUAN DI KALANGAN ORANG UMNO BOLEH MENGEMBALIKAN ORANG MELAYU KAPADA KEADAAN DAHULU - BERPUAK-PUAK, BERPECAH-PECAH, LEMAH DAN DITINDAS SERTA DIJAJAH DI TANAH AIR MEREKA SENDIRI.

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG +MUSUH JENIS BARU+ YANG BERLAGAK SEBAGAI PENYOKONG UMNO SECARA TIDAK LANGSUNG SEHINGGA PENENTUAN SIKAP AHLI UMNO TERHADAP MEREKA TIDAK BEGITU MUDAH.

MALAH SEBAHAGIAN DARI AHLI UMNO, MENURUT BELIAU, TIDAK LAGI MEGANGGAP MEREKA INI SEBAGAI MUSUH YANG INGIN HANCURKAN UMNO, TETAPI SEBAGAI PENYOKONG DI LUAR PAGAR. - BERSAMBUNG 0948/BW

MAHATHIR - PEMUDA 2 KUALA LUMPUR

173

DATUK DR. SERI MAHATHIR YANG BERUCAP MERASMIKAN SERENTAK PERHIMPUNAN PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO DI SINI PAGI INI BERKATA, PADA MULANYA AHLI UMNO SANGGUP MENERIMA SOKONGAN +MUSUH JENIS BARU+ ITU.

DARI ITU AHLI UMNO PULA MENJADI PENYOKONG ORANG INI APABILA MEREKA MENGECEM UMNO.

+DENGAN INI MAKA HILANGLAH KEUTUHAN UMNO DAN DIANYA MENJADI SATU GELANGGANG DI MANA BERBAGAI PENDAPAT DAN DESAKAN DIPERTARUNGAN.

+UMNO DALAM BENTUK INI TIDAK LAGI PARTI POLITIK SEPERTI DICIPTA DAHULU, TETAPI ADALAH SEMATA-MATA FORUM ATAU GELANGGANG PERBAHASAN YANG BEBAS, + KATANYA. - BERSAMBUNG 0958/BW

CE

B503

MAHATHIR - PEMUDA 3 KUALA LUMPUR

DAN APABILA UMNO SUDAH MENJADI FORUM DAN BUKAN PARTI LAGI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR SELANJUTNYA, MAKA LEBIH RAMAI LAGI MUNCUL MEREKA YANG INGIN MENGGUNAKAN GELANGGANG INI UNTUK Mencari PENGARUH.

+MEREKA MEMBUAT BERBAGAI ANALISA YANG KONONNYA BERILMIAH DAN MEREKA JUGA MENONJOLKAN MASALAH DAN PERKARA YANG KATA MEREKA PERLU DIPERJUANGANKAN OLEH UMNO DEMI, BUKAN SAJA KEBAIKAN ORANG MELAYU DAN NEGARA, TETAPI DEMI KEBAHAGIAN UMNO SENDIRI.+

SEMENTARA KEGELISAHAN DALAM UMNO INI BERLAKU DAN UMNO MUNGKIN LEMAH, ORANG INI, PENGKRITIK INI HIDUP BAHAGIA, KATANYA.

TIDAK ADA SESUATU YANG MERUGIKAN YANG AKAN BERLAKU KEPADA MEREKA. MEREKA TIDAK MUNGKIN DIGULING OLEH BAHAGIAN UMNO ATAU HILANG KERUSI. - BERSAMBUNG 1000/BW

B504

MAHATHIR - PEMUDA 4 KUALA LUMPUR

KIRA-KIRA 700 ORANG PERWAKILAN DARI 114 BAHAGIAN PEMUDA DAN WANITA UMNO DARI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA DAN KIRA-KIRA 300 ORANG PARA PEMERHATI DAN UNDANGAN HADIR DI UPACARA MERASMIKAN SIDANG TERSEBUT.

TURUT HADIR IALAH PARA ANGGOTA EXCO KEDUA PERGERAKAN TERSEBUT YANG MASING-MASING DIKETUAI OLEH PEMANGKU KETUA PEMUDA, HAJI SUHAIMI DATUK KAMARU DDIN DAN KETUA PERGERAKAN WANITA, DATUK HAJJAH AISHAH GHANI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA PERPADUAN DI KALANGAN AHLI UMNO PERLU +UNTUK MENYELAMATKAN DIRI KITA SEMUA+ MEMANDANG KEPADA PERUBAHAN KEADAAN DAN PERUBAHAN SIKAP YANG SEDANG BERLAKU SEKARANG.

KATANYA DALAM NEGARA BERBILANG KAUM KUASA POLITIK YANG DATANG DARI PERPADUAN YANG KOKOH BOLEH MENOLONG PERSAINGAN.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENINGATKAN PERPADUAN SAJA TIDAK AKAN BERHASIL TANPA KESANGGUPAN DAN KEUPAYAAN BERSAING DALAM SEMUA BIDANG. --BERSAMBUNG 1003/MD

PARA DUA HARAP BACA..DATUK KAMARUDDIN DAN (ULANG) KAMARUDDIN.....

££

B505

MAHATHIR-PEMUDA 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEPERCAYAAN BAHAWA SEMUA MASALAH BOLEH DIATASI DENGAN KUASA POLITIK ADALAH KHAYALAN.

+KUASA POLITIK MUNGKIN MEMBUKA PELUANG BAGI KITA MENYERAP ILMU, ATAU MEMASUKI SESUATU JURUSAN PERNIAGAAN, ATAU MENDAPAT JAWATAN.

+TETAPI SAMADA KITA BERJAYA MENYERAP ILMU, MENDAPAT KEUNTUNGAN PERNIAGAAN ATAU MENJALANKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA CUMA BOLEH DITENTUKAN OLEH KITA SENDIRI, OLEH USAHA DAN KETEKUNAN KITA, OLEH KECEKAPAN YANG ADA PADA KITA,+ TEGASNYA.

MEMANDANG KEPADA HAKIKAT INI, BELIAU BERKATA, ORANG MELAYU DAN AHLI-AHLI UMNO HENDAKLAH MELENGKAPKAN DIRI DALAM BERBAGAI BIDANG +DI WAKTU KITA MEMPUNYAI KUASA POLITIK+.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENYARANKAN: +KITA HARUS BERUSAHA SUPAYA TIDAK SELALU BERGANTUNG KEPADA KUASA POLITIK KERANA DENGAN CARA ITU KITA AKAN BETUL-BETUL KUAT DAN BOLEH BERDIKARI MEMELIHARA DIRI.+ --BERSAMBUNG 1009/MD

MAHATHIR-PEMUDA 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH TENTANG MASALAH KEPIMPINAN DAN BETAPA +BILANGAN PEMIMPIN KITA YANG DIRAGU-RAGUKAN+ KESAN DARI TEKTIK MENGHILANGKAN KEPERCAYAAN KEPADA KEUTUHAN UMNO.

CONTOHNYA, DIKALANGAN PEMUDA UMNO, HAMPIR SEMUA PEMIMPIN DISYAKI TIDAK JUJUR WALAUPUN MEREKA BERKHIDMAT DENGAN PENUH DEDIKASI DAN KEJUJURAN.

SEMUA YANG DIUSAHAKAN OLEH MEREKA DIPERSOAL TENTANG NIAT SEBALIKNYA. ADA PEMIMPIN YANG SUDAH SAMPAI PERINGKAT MEREKA MENDAPAT LABEL.

+APA JUGA YANG DI BUAT OLEHNYA DITAFSIRKAN MENGIKUT LABEL. JIKA IA MEMBUAT BAIK MAKA INI ADALAH USAHANYA UNTUK MENGABUI MATA, DAN JIKA IA MEMBUAT JAHAT, MAKA INI MEMBUKTIKAN TUDUHAN YANG DI BUAT ADALAH BENAR,+ KATANYA. --BERSAMBUNG 1012/MD

174

B507

MAHATHIR-PEMUDA 7 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM KEADAAN KEPIMPINAN DAN PERIBADI PEMIMPIN MENJADI SASARAN, TENAGA DAN USAHA TIDAK DAPAT LAGI DITUMPUKAN KEPADA PERJUANGAN PARTI DAN BANGSA.

KERANA ITU KATANYA SEPENUH TENAGA DAN USAHA TERPAKSA DITUMPU KEPADA PEMULIHAN DIRI PEMIMPIN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK MAHU MENGAKU ADA KRISIS KEPIMPINAN DALAM WANITA ATAU PEMUDA.

+TETAPI SAYA TIDAK DAPAT MENOLAK KENYATAAN BAHAWA USAHA MUSUH UMNO UNTUK MENYERANG BAHAGIAN UMNO YANG SERSENSITIF SEKALI SUDAH MENCAPI KEJAYAAN PERINGKAT PERTAMA.+

SABAN HARI, KATANYA, KITA DENGAR TENTANG BERBAGAI MASALAH YANG TIDAK MEMBERI NIKMAT SAMASEKALI KEPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN ITU ATAU KEPADA UMNO.

BAGAIMANAPUN BELIAU YAKIN KEPIMPINAN UMNO SUDAH MATANG DAN BERKEUPAYAAN MENGATASI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI. --BERNAMA 1025/MD

MAHATHIR-PEMUDA 8 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN 507)

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERCAKAP TENTANG KEPIMPINAN DALAM DEMOKRASI YANG KATANYA MEMANG RUMIT DAN SEBENARNYA BERTENTANG DENGAN PRINSIP DAN ASAS DEMOKRASI.

PEMIMPIN, KATANYA PERLU MEMIMPIN IAITU MENUNJUK JALAN KEPADA PENGANUT YANG SUDAH TENTU LEBIH RAMAI. SEBALIKNYA DEMOKRASI BERKHENDAK SUPAYA PENDAPAT RAMAI DIIKUTI.

+INI BERMAKNA JIKA PENGANUT YANG RAMAI MAHU SESUATU PEMIMPIN TERPAKSA TURUT,+ TAMBAHNYA.

SOALNYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR IALAH APAKAH PEMIMPIN PERLU MENURUT SEMATA-MATA ATAU CUBA MEMIMPIN SAMA.

BELIAU MENSIFATKAN PEMIMPIN YANG SEMATA-MATA MENURUT BUKANLAH PEMIMPIN SEBENARNYA.

+IA MERUPAKAN OPORTUNIS YANG CUBA MENGGUNA PENDAPAT RAMAI UNTUK MENDAPAT TEMPAT SAGI DIRINYA,+ KATANYA.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMANG RAMAI PEMIMPIN JENIS INI TERDAPAT DALAM DEMOKRASI. --BERSAMBUNG 1125/MD

MAHATHIR-PEMUDA 9 KUALA LUMPUR

+APA SAJA PERISTIWA YANG DISUKAI RAMAI, MAKA PEMIMPIN JENIS INI PUN MUNCUL SEBAGAI JAGOH WALAUPUN SEMUA PIHAK TAHU BAHAWA DAHULU PEMIMPIN INI TIDAK ADA MINAT SAMASEKALI DALAM PERKARA YANG SEKARANG IA PERJUANGKAN.

+DENGAN TIDAK RAGU-RAGU SAYA BERKATA UMNO AKAN MENJADI LEBIH BAHAGIAN TANPA PEMIMPIN JENIS INI,+ TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU BERKATA PEMIMPIN YANG BERGUNA DALAM DEMOKRASI MESTILAH MEMIMPIN DI SAMPING MENURUT TETAPI MEMANG SUKAR MEMIMPIN DI WAKTU MENURUT.

+TETAPI PERBUATAN INI TIDAK MUSTAHIL,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA PEMIMPIN MUNCUL KERANA MEREKA MEMPUYAI KEBOLEHAN YANG LEBIH DARIPADA YANG LAIN.

KEBOLEHAN INI TENTU BERASAS KEPADA PENGETAHUAN YANG JUGA LEBIH YANG MEMBUAT PEMIMPIN DAPAT MENILAI SESUATU DENGAN LEBIH TEPAT DAN WARAS, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA PEMIMPIN TIDAK OPORTUNIS, NIALAIN YANG DIBUAT OLEHNYA MESTILAH DISAMPAIKAN KEPADA PENGINGKUTNYA SUPAYA MEREKA PULA AKAN DIPANDU DENGAN MAKLUMAT TAMBAHAN INI. --BERSAMBUNG 1140/MD

+DENGAN INI PEMIMPIN TIDAK MENJADI PENURUT SAHAJA TETAPI BENAR-BENAR MENJADI PEMIMPIN DALAM KONTEKS DEMOKRASI,+ TEGAS BELIAU.

TETAPI MEMIMPIN CARA INI MEMANG SUKAR KERANA TIDAK KENA GAYA PEMIMPIN JENIS INI AKAN HILANG POPULARITINYA, AKAN TERSINGKIR DAN MUNGKIN TERSUNGKUR, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENINGATKAN, PEMIMPIN YANG MEMENTINGKAN POPULARITI DIRINYA LEBIH DARI KEBAIKAN AKAN MEMBAWA PENGIKUTNYA KELEMBAH KEHINAAN DAN KEHANCURAN.

PENDEK KATA, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR GEJALA-JALA YANG MESTI DIHADAPI OLEH PEMIMPIN DEMOKRASI ADALAH LEBIH BANYAK DARIPADA GEJALA-GEJALA DALAM LAIN-LAIN SISTEM POLITIK.

KEPIMPINAN PEMIMPIN DALAM DEMOKRASI BOLEH DICABAR DENGAN SERI BU SATU CARA. KATANYA. --BERNAMA 1204/MD